

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU301 - Ekologi Manusia

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**BAHAGIAN A** [40 markah]

Soalan jawapan pendek. Tiap-tiap soalan pendek adalah WAJIB dan akan diberi markah yang sama. Gunakan kertas ini untuk menjawab.

1. Apakah perbezaan yang wujud tentang kajian ekologi di antara pakar sains sosial dahulu dan aliran "environmental sociology" yang baru muncul?

---

---

---

---

[4 markah]

2. Beri satu contoh dasar peraturan diri (self regulation).

---

---

---

---

[4 markah]

...2/-

[SAU 301]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Terangkan satu konsep yang diciptai oleh Darwin yang sangat berguna dalam kajian ekologi manusia.

---

---

---

---

[4 markah]

4. Menurut Shepard apakah hubungan yang wujud di antara sains biologi dan sains sosial bila keadaan ekologi dikaji?

---

---

---

[4 markah]

5. Bagaimanakah suku bangsa Mla Bri di Thailand menyesuaikan kegiatan mereka pada keadaan kemerosotan hutan? Sebutkan dua kaedah.

---

---

---

[4 markah]

6. Mengapakah kita dapat mengatakan bahawa ladang pertanian pindah adalah sama seperti hutan hujan tropikal?

---

---

---

[4 markah]

...3/-

[SAU 301]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

7. Bentuk badan di kalangan puak Semang di Malaysia dapat dianggap sebagai satu proses penyesuaian secara fizikal kepada hutan tebal sebab...

---

---

---

[4 markah]

8. Ungkapan "technological flaw" yang digunakan oleh Commoner bererti bahawa ekologi ...

---

---

---

---

[4 markah]

9. Apakah pendapat yang dipegang di Bank Dunia tentang pembasmian hutan?

---

---

---

[4 markah]

10. Apakah kesan perdagangan bebas atas ekologi di dunia?

---

---

---

---

[4 markah]

...4/-

**BAHAGIAN B** (60 markah)

Pilih **EMPAT** soalan sahaja. Gunakan buku jawapan.

11. Terangkan serta beri contoh mengenai faktor-faktor sosial yang menyebabkan:
- (a) pencemaran udara
  - (b) ketidak pelbagaian biologis
  - (c) hakisan tanah
- [15 markah]
12. Bandingkan teori-teori tentang ekologi manusia yang dilancarkan oleh Park dan Steward. Beri fokus pada erti persekitaran, peranan ekonomi dan kebudayaan. Kemudian bincangkan kelemahan dalam kedua teori tersebut.
- [15 markah]
13. Beri huraian mengenai cara adaptasi kepada alam sekitar di kalangan suku bangsa Khoi San dan penduduk di kepulauan Fiji. Bagaimanakah keadaan seimbang dengan ekologi mereka diganggu?
- [15 markah]
14. Terangkan ciri ekologi bandar neolitik dan bandar moden di negeri-negeri Barat dan apakah perbezaan yang wujud di antara dua jenis bandar dari segi homeostasis. Nilai sama ada bandar-bandar di Asia lebih mesra pada ekologi atau sebaliknya.
- [15 markah]
15. Terdapat beberapa sikap manusia terhadap alam yang mengakibatkan kehancuran keadaan seimbang dalam ekologi. Bincangkan dalam konteks ini:
- (a) sikap beragama
  - (b) sikap "cowboy economy"
  - (c) sikap antropocentrisme
  - (d) sikap kesejahteraan yang palsu
- [15 markah]

...5/-

16. Sebutkan soalan pokok penyelidikan dalam bidang "processual anthropology" yang dititik beratkan oleh Orlove. Bagaimanakah pendekatan beliau digunakan dalam kajian puak Tsembaga di Niu Gini? Apakah hujah bertentangan diberi oleh J. Friedman terhadap antropologi yang berideologi Hegel itu?

[15 markah]

17. Bincangkan pengaruh kuasa politik dari kerajaan yang memberi kesan kemunduran ekologi dalam keadaan pertanian di Iraq pada zaman dahulu dan kaum Masai di Afrika sekarang.

[15 markah]

- oo o0o oo -